

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM serah 3,000 permohonan jururawat kontrak kepada JPA

**Shah Alam:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengemukakan antara 2,000 hingga 3,000 permohonan jururawat lantikan kontrak untuk diserap ke jawatan tetap kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), tahun ini.

Mengakui wujud keperluan menambah jururawat yang kini berjumlah 165,000 orang, Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni, berkata kesemua permohonan membabitkan jururawat kontrak di seluruh negara itu diajukan kepada JPA

untuk kelulusan.

"Keadaan itu mengambil kira faktor pembinaan banyak fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik baharu di seluruh negara, termasuk di kawasan pedalaman yang pastinya memerlukan penambahan kakitangan.

"Jadi, kita memohon kepada JPA, jururawat kontrak diserap ke jawatan tetap," katanya selepas merasmikan Hari Jururawat Antarabangsa 2023 yang disertai lebih 2,000 jururawat dari seluruh negara, di

sini semalam.

Beliau berkata, pengambilan jururawat kontrak itu sudah dipertimbangkan KKM untuk diserap secara berfasa sekiranya rayuan penambahan itu diluluskan JPA.

"Kita sememangnya sedang melakukan proses pemetaan bagi mengoptimumkan khidmat kakitangan, sama ada doktor, jururawat dan pegawai perubatan," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, menerusi laman Facebooknya se-

malam, berkata kerajaan sentiasa menghargai dan memberikan sokongan kepada jururawat yang berkorban masa dan tenaga demi menjaga kesihatan rakyat.

Beliau juga berterima kasih atas kesabaran, ketabahan dan pengorbanan sepanjang perkhidmatan mereka dan berharap semua jururawat terus berusaha serta meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Dr Zaliha menyifatkan jururawat aset penting dalam sis-

tem kesihatan negara, memastikan pesakit mendapat rawatan berkualiti dan profesional, menjadi penjaga kepada kesejahteraan pesakit di hospital, pusat kesihatan dan klinik di seluruh negara.

"Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Jururawat kepada semua jururawat di Malaysia. Semoga hari ini menjadi peringatan kepada kita semua tentang betapa pentingnya peranan jururawat dalam menjaga kesihatan rakyat Malaysia," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : RENCANA

# Penguatkuasaan ketat tangani ketagihan vape kanak-kanak

• Nikotin memberi kesan pada otak dengan rasa lebih segar kepada pengguna. Namun apabila kesan rangsangan nikotin hilang, rasa gian akan datang kepada perokok sehingga timbul desakan dalam diri untuk mendapatkannya kembali

• Vape tumbuh dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah tanpa kawalan. Sudah ada bukti vape turut digunakan sebagai bahan campuran dadah yakni pelajar memasukkan tar dalam vape untuk menimbulkan rasa khayal



Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan/ Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia

Oth Prof Madya Dr Hafiza Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

Pada asalnya budaya vape dilihat sebagai alternatif lebih selamat untuk penghisap rokok bagi membantu perokok berhenti merokok.

Bertukar kepada e-rokok mungkin alternatif lebih baik dan selamat bagi seseorang cuba berhenti menghisap produk tembakau biasa, namun mereka perlu mengetahui risiko e-rokok sebelum mencubanya.

Ramai orang terutama belia sering tersilap dengan menganggap vape selamat sedangkan campuran vape tanpa nikotin turut mengandungi sebatian berpotensi merosakkan paru-paru.

Hakikatnya vape dan nikotin bukan jalan terbaik untuk berhenti merokok kerana pengguna vape juga berpotensi menelan nikotin lebih tinggi berbanding rokok dan akhirnya gagal keluar daripada ketagihan.

Perokok menggunakan vape untuk berhenti merokok bukan sahaja tidak berhenti daripada ketagihan, malah berisiko menjadi dwi pengguna - vape dan rokok tembakau.

Penghisap vape menganggap aktiviti baharu ini lebih selamat kerana asap disedut kononnya tidak 'membakar' paru-paru. Namun yang pasti, vape mengandungi nikotin.

Perisa cecair nikotin ditawarkan mengandungi beberapa bahan kimia berbahaya seperti toluena, aset-aldehid, benzena, kadmium, isoprena, nikel, plumbum dan N-nitrosornicotine.

Sama seperti rokok, kandungan nikotin dalam vape akan mempengaruhi kelajuan degupan jantung dan menaikkan tekanan darah.

Nikotin pula memberi kesan pada otak dengan rangsangan rasa lebih segar kepada pengguna. Namun apabila kesan rangsangan nikotin ini hilang, rasa gian akan datang kepada perokok sehingga timbul desakan dalam diri untuk mendapatkannya kembali.

Menerusi laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat 16,000 jenis perisa vape di pasaran mengandungi bahan kimia mampu menjejaskan kesihatan.

Bagaimanapun, vape kini menjadi produk rekreasi yang kebanyakannya dijual kepada remaja dan golongan muda. Demi mengaut keuntungan berlipat ganda, firma tembakau kini beralih kepada e-rokok menawarkan perisa berbeza dan reka bentuk unik untuk menarik pengguna muda.

Rentetan itu, menghisap vape menjadi isu tingkah laku di sekolah menengah dan amalan ini semakin meluas di sekolah rendah.

Lebih 300,000 pelajar sekolah di Malaysia terjejak dengan vape, sedangkan mereka sepatutnya menjadi modal insan pada masa akan datang.

Kajian Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) di beberapa sekolah rendah dan menengah di Pulau Pinang mendedahkan, sebilangan besar kanak-kanak mengakui mereka tidak membeli sebarang peralatan vape atau e-rokok, sebaliknya merasa jus cecair vape kepunyaan bapa atau abang yang secara tidak langsung menarik minat mencubanya.

Hasil soal selidik ini mendapati, kanak-kanak berusia sembilan hingga 12 tahun mengakui mereka mencuba vape dan e-rokok bapa masing-masing ketika berada di rumah atau dalam kereta.

Seramai 200 daripada 300 kanak-kanak terabit dalam soal selidik ini mengakui, mereka mengambil vape sekurang-kurangnya dua kali seminggu.

Lebih membimbangkan, responden juga mengakui adik-beradik lelaki mencadangkan mereka mencuba vape, walaupun mereka kadang-kadang menolak atau berkata 'tidak' kepada produk berkenaan.

Hakikatnya, mereka tidak pernah menyentuh rokok tetapi kini mula menghisap vape dan daripada empat kanak-kanak, seorang daripadanya adalah perempuan dan ketagih, manakala di sekolah menengah, nisbahnya ialah enam pelajar yang mana dua adalah pelajar perempuan.

## Lebih ramai kanak-kanak ketagih vape

Justeru, jika tiada tindakan segera diambil, lebih ramai kanak-kanak seawal lapan tahun dan pelajar sekolah menengah akan ketagih vape sekali gus mengancam kesihatan serta masa depan mereka.

Apa yang pasti, vape tumbuh dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah tanpa kawalan. Sudah ada bukti vape turut digunakan sebagai bahan campuran dadah yakni pelajar memasukkan tar dalam vape mereka untuk menimbulkan rasa khayal.

Jika generasi muda negara ini sudah menjadi penagih nikotin sejak kecil, otak mereka akan terbantut dan kesihatan mereka terjejas. Kajian menunjukkan apabila individu mula merokok pada usia muda, mereka akan menjadi ketagih dan kekal sebagai perokok sehingga dewasa atau tua.

Atas faktor itu, Singapura, Thailand, Brunei dan 34 negara lain mengharamkan sepenuhnya penggunaan vape bagi melindungi rakyat, terutama generasi muda daripada ketagihan nikotin.

Tindakan kerajaan Australia dalam menangani budaya vape kalangan kanak-kanak boleh dijadikan pedoman. Australia mempunyai satu undang-undang antimerokok paling keras di dunia, yang kini bercadang mengetatkan undang-undang berkaitan rokok elektronik atau e-rokok, termasuk memperkenalkan kawalan baharu ke atas import dan pembungkusan bagi menghapuskan vape terutama dalam kalangan kanak-kanak.

Cadangan itu memperlihatkan tindakan keras terbesar terhadap industri tembakau di negara itu dalam tempoh lebih sedekad.

Sehubungan itu, Persekutuan akan mengambil langkah mengharamkan semua vape pakai buang dan import vape bukan preskripsi, menyekat perisa dan warna serta mengurangkan tahap nikotin dibenarkan. Susulan peraturan baharu itu, peranti elektronik itu hanya dibenarkan dijual sebagai produk untuk membantu perokok berhenti tabiat buruk itu.

Dianggarkan enam juta kematian berlaku di seluruh dunia setiap tahun akibat nikotin daripada produk merokok. Di Malaysia sahaja, setiap tahun 27,000 kematian berlaku disebabkan oleh rokok yang secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan nikotin. Maka, bagi langkah jangka panjang, Kementerian Kesihatan (KKM) dan agensi lain yang berkaitan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengumumkan strategi komprehensif untuk membendung dan mengawal ketagihan nikotin yang dijangka akan meningkat. Antara faktor penyumbang adalah kedai vape dibuka secara berleluasa dan terbuka.

Usaha untuk menghentikan tabiat merokok dan menghisap vape harus dilakukan dari awal dan secara serius oleh semua pihak termasuk tekad yang kuat daripada kerajaan. Ketagihan rokok dan vape sudah dibuktikan dalam banyak kajian sebagai pembuka laluan kepada tabiat penyalahgunaan dadah dan bahan larangan. Maka, tabiat ini perlu dibendung dari awal. Tindakan segera termasuk mempercepatkan pewartaan undang-undang bagi mengawal selia penjualan dan pemasaran produk vape serta melaksana kempen pendidikan yang mencegah kanak-kanak dan belia daripada menggunakan vape dan peranti e-rokok mengandungi nikotin.

Kanak-kanak di bawah umur tidak seharusnya dibenarkan membeli produk vape. Bagi mengelakkan atau mengurangkan risiko berlaku perkara ini, pihak kerajaan perlu mewujudkan undang-undang yang berasingan daripada rokok atau memperluas skop undang-undang tembakau sedia ada bagi mengawal selia penjualan dan pemasaran vape.

Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan antaranya memperkenalkan peraturan pintar dan menguatkuasakan sekatan umur yang ketat ke atas peranti vape dan cecair di tempat jualan dan menggunakan teknologi pengesanan umur moden untuk jualan dalam talian.

Selain itu, adalah sangat penting untuk memperluas penyediaan perkhidmatan kepada orang awam yang ketagih nikotin, tidak kira sama ada mereka menggunakan rokok konvensional atau e-rokok.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEGARA

KKM tunggu kelulusan JPA sebelum sahkan mereka ke jawatan tetap

## Mohon serap 2,000 jururawat kontrak

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Kementerian Kesihatan (KKM) mengemukakan sebanyak 2,000 permohonan jururawat lantikan kontrak untuk diserap ke jawatan tetap tahun ini.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, kesemua permohonan melibatkan jururawat di seluruh negara itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi kelulusan lanjut.

Katanya, kementerian mengakui wujud keperluan bagi menambah jumlah jururawat sedia ada yang mencecah 165,000 orang ketika ini.

"Keadaan itu mengambil kira faktor pembinaan banyak fasiliti kesihatan baharu termasuk di kawasan pedalaman.

"Justeru, kita memohon kepada JPA mengenai tambahan jururawat kontrak untuk diserap ke jawatan tetap," katanya selepas merasmikan Hari Jururawat Antarabangsa 2023 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Setia Alam, di sini semalam.



**LUKANISMAN** (tengah, berdiri barisan ketiga) bersama jururawat pada Majlis Perasmian Hari Jururawat Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam semalam. – SADDAM YUSOFF

Jelas Lukanisman, pihaknya sedang melakukan proses pemetaan bagi mengoptimumkan khidmat kakitangan sama ada doktor, jururawat dan pegawai perubatan.

"Tugas jururawat sememangnya perlu penambahbaikan berterusan termasuk melibatkan isu penjawatan selepas pandemik Covid-19.

"Bagaimanapun, permohonan penjawatan tetap itu bagaimanapun bergantung sepenuhnya kepada keputusan dan jawapan JPA," tegasnya.

Kosmo! pada 23 September 2022 melaporkan, Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperakukan pelantikan tetap seramai 1,136 jururawat Gred U29 kontrak keluaran Institut Latihan KKM pada suku keempat tahun lalu dan suku pertama tahun ini.

Seramai 2,804 jururawat swasta lantikan secara kontrak dan masih berkhidmat di KKM bagi menyokong perkhidmatan kesihatan khususnya dalam tempoh pandemik Covid-19 turut akan diserap untuk lantikan tetap bagi menghargai sumbangan dan komitmen tinggi mereka.

**KERATAN  
Kosmo! 23  
September  
2022.**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NASIONAL

# 2,000 permohonan serap jururawat kontrak

Wujud keperluan bagi menambah jumlah jururawat sedia ada yang ketika ini mencecah sehingga 165,000 kakitangan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR  
SHAH ALAM.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengemukakan sebanyak 2,000 permohonan jururawat lantikan kontrak di seluruh negara untuk diserap ke jawatan tetap tahun ini.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, permohonan itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk proses kelulusan. Menurut beliau, wujud keperluan bagi menambah jumlah jururawat sedia ada yang ketika ini mencecah sehingga 165,000 kakitangan.

"Keadaan ini mengambil kira faktor pembinaan banyak fasiliti kesihatan baharu termasuk di kawasan pedalaman," katanya selepas merasmikan Hari Jururawat Antarabangsa 2023 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Setia Alam di sini pada Jumaat.



Lukanisman (dua dari kanan) memotong reben sebagai simbolik perasmian Hari Jururawat Antarabangsa 2023 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Setia Alam pada Jumaat.

Bagaimanapun, Lukanisman menjelaskan, permohonan perjawatan tetap itu bergantung sepenuhnya kepada keputusan dan jawapan JPA.

Ujar beliau, KKM turut mempertimbangkan jururawat kontrak diserap secara berfasa sekiranya rayuan penambahan itu diluluskan.

"Kita sememangnya sedang melakukan proses pemetaan bagi mengoptimumkan khidmat kakitangan sama ada doktor, jururawat dan pegawai perubatan.

"Tugas jururawat sememangnya perlu penambahbaikan berterusan termasuk melibatkan isu perjawatan selepas pandemik

Covid-19," tambahnya.

Pada September-tahun lalu, media melaporkan seramai 1,136 Jururawat Gred U29 Kontrak dari Institut Latihan KKM dan 2,804 jururawat swasta yang dilantik secara kontrak bagi menyokong perkhidmatan kesihatan terutama ketika pandemik Covid-19 akan diserap ke jawatan tetap.

Pelantikan tetap bagi menambah baik jaminan kerjaya kakitangan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan itu akan dibuat secara berfasa dalam tempoh suku keempat tahun lalu dan suku pertama tahun ini.



**KLIK** BISKUT SEMPERA HARI JURURAWAT ANTARABANGSA | Jururawat Hospital Pakar KPJ Tawakal, Noor Zuraidah Sulaiman menunjukkan biskut berukiran yang bertemakan Hari Jururawat Antarabangsa pada Jumaat.

## Kerajaan hargai, sokong jururawat - Dr Zaliha

KUALA LUMPUR - Kerajaan sentiasa menghargai dan memberikan sokongan kepada jururawat yang berkorban masa dan tenaga demi menjaga kesihatan rakyat Malaysia, kata Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Sempena Hari Jururawat Antarabangsa pada Jumaat, Dr Zaliha juga berharap agar semua jururawat terus berusaha dan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan di negara ini.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua jururawat yang berkhidmat di Malaysia. Terima kasih atas kesabaran, ketabahan dan pengorbanan yang telah dilakukan sepanjang perkhidmatan.

"Anda semua menunjukkan semangat kerjasama dan dedikasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab," katanya menerusi laman Facebooknya pada Jumaat.

Dr Zaliha juga menyifatkan jururawat sebagai aset penting dalam sistem kesihatan negara kerana tugas dan tanggungjawab mereka amat penting dalam memastikan pesakit mendapat rawatan berkualiti dan profesional.

Menurutnya, jururawat juga menjadi penjaga kepada kesejahteraan pesakit di hospital, pusat kesihatan dan klinik-klinik di seluruh negara.

"Selamat Hari Jururawat kepada semua jururawat. Semoga hari ini menjadi peringatan kepada kita betapa pentingnya peranan jururawat dalam menjaga kesihatan rakyat," katanya. - *Bernama*



DR ZALIHA

HARI JURURAWAT ANTARABANGSA

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : NASIONAL

## Kematian murid bukan akibat strok haba - JKNS

**SHAH ALAM** - Kematian seorang murid perempuan Tahun Empat di sebuah sekolah rendah di Klang bukan disebabkan strok haba seperti yang tular di media sosial.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, mesej tular mengenai dakwaan murid perempuan tersebut meninggal dunia akibat strok haba diterima pihaknya pada 10 Mei lalu.

Menurutnya, kejadian tersebut melibatkan seorang kanak-kanak perempuan yang mendapatkan rawatan di sebuah klinik kesihatan di daerah Klang.

"Siasatan mendapati, dia mengalami gejala sakit perut, muntah dan cirit birit selepas makan malam pada 8 Mei.

"Pada keesokannya iaitu 9 Mei, dia dibawa ke klinik dan hasil pemeriksaan mendapati kanak-kanak itu dalam keadaan kritikal dan diagnosis sebagai gastroenteritis akut dengan komplikasi," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.



DR SHA'ARI

Dr Sha'ari menambah, rawatan sewajarnya diberikan sebelum murid itu dirujuk ke hospital untuk menerima rawatan lanjut namun, disahkan meninggal dunia pada 9 Mei dan tidak mengalami strok haba seperti ditularkan.

Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) ingin memberi peringatan kepada orang ramai agar tidak memandang ringan gejala cirit birit dan muntah yang dialami.

"Gejala cirit-birit dan muntah yang tidak terkawal berpotensi menyebabkan situasi dehidrasi (kekeringan), apatah ketika musim cuaca panas yang sedang melanda Malaysia ketika ini," jelasnya.

Beliau berkata, untuk mendapatkan maklumat sahih dan sebarang pertanyaan berkaitan, orang ramai boleh menghubungi Crisis Preparedness and Response Center (CPRC) Selangor di talian **03-5123 7366/7367** atau melalui e-mel: [cprc\\_sel@moh.gov.my](mailto:cprc_sel@moh.gov.my).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : DALAM NEGERI

Bagi mewujudkan sistem kesihatan baik

## Guna kepakaran, aset fasiliti swasta

Oleh SITI ATHIRAH DZULKIFLY  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim) mencadangkan kerajaan menggunakan kepakaran dan aset swasta sedia ada dalam memberi rawatan kepada pesakit daripada membina lebih banyak fasiliti kesihatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presidennya, Dr. Boi Saidi Abd Razak berkata, kerajaan harus menyediakan atau membeli perkhidmatan dan peralatan perubatan baharu bagi mewujudkan sistem kesihatan yang baik dalam negara.

"Perdim sentiasa berharap agar bajet Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk kesihatan ditingkatkan namun, membina hospital dan klinik swasta memerlukan biaya yang sangat besar.

"Kami cadangkan, antara usa-

ha yang boleh dilakukan oleh Kementerian Kesihatan adalah membeli perkhidmatan hospital swasta sedia ada. Contohnya, pesakit usus yang perlu melakukan pembedahan apendektomi dan ia lebih murah jika kementerian beli khidmat yang sedia ada di hospital swasta daripada bina hospital pakar baharu.

"Begitu juga dengan usaha membeli peralatan baharu seperti Mesin Pengimbas Tomografi Berkomputer (CT Scan) dan mesin pengimejan resonans magnetik (MRI). Kementerian boleh menghantar pesakit untuk tujuan prosedur di atas ke hospital swasta tanpa perlu membeli dan menyelenggara peralatan baharu tersebut.

"Ini kerana membina klinik kesihatan baharu adalah lebih mahal daripada membeli servis sedia ada di klinik-klinik swasta. Pesakit di klinik kesihatan boleh dirujuk ke klinik swasta dan

klinik tersebut diberikan biaya yang munasabah untuk merawat," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berhubung Kertas Putih Kesihatan yang akan dibentangkan di sidang Parlimen akan datang yang bertumpu kepada pembaharuan sistem perbelanjaan pembiayaan kesihatan dalam usaha mewujudkan sistem kesihatan terbaik.

Menurut Dr. Zaliha, kementerian sentiasa berhubung dengan Kementerian Kewangan dalam mencari kaedah untuk meningkatkan perbelanjaan kesihatan awam daripada KDNK.

Selain itu, Dr. Boi menegaskan, Perdim berharap untuk tempoh jangka masa panjang, Kementerian Kesihatan dapat menyediakan hospital kerajaan berpakar secukupnya demi kemudahan rakyat.

## 2,000 permohonan serap jururawat kontrak dikemuka

**SHAH ALAM:** Kementerian Kesihatan mengemukakan 2,000 permohonan jururawat lantikan kontrak untuk diserap ke jawatan tetap tahun ini selain keperluan untuk menambah bilangan sedia ada yang mencecah 165,000 orang ketika ini.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, kesemua permohonan melibatkan jururawat di seluruh negara itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi kelulusan lanjut.

"Keadaan itu mengambil kira faktor pembinaan banyak fasiliti kesihatan baharu termasuk di kawasan pedalaman. Justeru, kita memohon kepada JPA mengenai tambahan jururawat kontrak untuk diserap ke jawatan tetap," katanya selepas merasmikan Hari Jururawat Antarabangsa 2023 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Setia Alam di sini semalam.

Program itu disertai lebih 2,000 jururawat dari seluruh negara September tahun lalu, media melaporkan seramai 1,136

Jururawat Gred U29 Kontrak dari Institut Latihan KKM dan 2,804 jururawat swasta yang dilantik secara kontrak bagi menyokong perkhidmatan kesihatan terutama ketika pandemik Covid-19 akan diserap ke jawatan tetap.

Pelantikan tetap bagi menambah baik jaminan kerjaya kakitangan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan itu akan dibuat secara berfasa dalam tempoh suku keempat tahun lalu dan suku pertama tahun ini.

Jelas Lukanisman, permohonan perjawatan tetap itu bagaimanapun bergantung sepenuhnya kepada keputusan dan jawapan JPA.

"Pengambilan jururawat kontrak telah KKM pertimbangkan untuk diserap secara berfasa sekiranya rayuan penambahan itu diluluskan.

"Kita sememangnya sedang melakukan proses pemetaan bagi mengoptimalkan khidmat kakitangan sama ada doktor, jururawat dan pegawai perubatan," jelasnya.



LUKANISMAN Awang Sauni (tengah) bergambar bersama jururawat pada majlis perasmian Hari Jururawat Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEWS / NATION

**ACUTE GASTROENTERITIS**

## Klang girl's death not due to heatstroke

**SHAH ALAM:** The Selangor State Health Department has denied that the death of a female student in Klang was caused by heatstroke as spread on social media.

Selangor health director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman in a statement said based on the examination records, the 10-year-old girl was brought to the clinic in a critical condition and was diagnosed as suffering acute gastroenteritis with complications.

"She had symptoms of stomach pain, vomiting and diarrhoea after dinner on May 8.

"Appropriate treatment was given before she was referred to the hospital for further treatment.

"However, she died on May 9 and did not suffer from heatstroke as reported," he said in a post on the department's official Facebook.

In the meantime, Dr Sha'ari also reminded the public not to take lightly the symptoms of diarrhoea and vomiting because if not controlled, it has the potential to cause dehydration, especially in the hot weather season currently affecting the country.



**Bernama**

*Datuk Dr Sha'ari Ngadiman*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NEWS / NATION

SATURDAY, MAY 13, 2023 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS

13

INTERNATIONAL NURSES DAY

## 'Empathy vital attribute for a caring profession'

PAUL MU  
KOTA KINABALU  
news@nst.com.my

**N**URSING is a profession that goes beyond caring for the sick, and those who dedicate their life to it have tremendous empathy.

This was what Muneeswari Velautham, 48, said when talking about the profession she chose 26 years ago.

She was taking stock of her experience during International Nurses Day 2023, held every year on May 12, which coincides with Florence Nightingale's birthday.

"Empathy is crucial, as it allows nurses to provide personalised care to patients, and not become desensitised to their condition," said Muneeswari, whose official position is chief nursing officer at KPJ Sabah Specialist Hospital.

She said compassion and attention to detail were also key qualities to a nurse.

Despite being under immense pressure, she said nurses always remind themselves to stay focused on their work and not be carried away by the situation.

"We do have heartaches when we lose a patient whom we care for. We know how the family feels and we get upset, too."

She said nurses also put their patients' welfare before their own, often going sleepless when on duty.

She said the Covid-19 pandemic taught nurses a valuable lesson as they often had to make do with minimal resources whenever their colleagues were infected with the virus.

She said teamwork and help of support personnel were needed in such difficult situations.

In this regard, she expressed



Muneeswari Velautham

concern over the shortage of nurses in Malaysia. She said this was likely due to some trained nurses leaving for better paying jobs in private hospitals overseas, including venturing to the Middle East.

"Nurses are in demand in the Middle East. We are facing a great challenge in retaining nurses," said Muneeswari, who had a three-year stint in Saudi Arabia.

"In Sabah, it's still stable," she added.

As a chief nursing officer, which is equivalent to a matron at government hospitals, Muneeswari's duties include evaluating nursing care services periodically, providing improvement and precautions to overcome future-related clinical issues. She laments that many people view nursing as just another job.

## Dr Zaliha pays tribute to nurses for their sacrifices

**KUALA LUMPUR:** The government appreciates and supports nurses for their sacrifices and energy in taking care of the health of the people, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

Dr Zaliha hoped that all nurses would continue to work hard and improve the quality of healthcare services.

"I would like to thank all the nurses serving in Malaysia. Thank you for the patience, perseverance and sacrifices that you have made throughout your career."

"You have all shown the spirit of cooperation and dedication in carrying out your duties and responsibilities," she said on her Facebook page yesterday to commemorate International Nurses Day.

Dr Zaliha described nurses as important assets to the health system because their duties and responsibilities were key to ensuring that patients received quality and professional treatment.

She said nurses were guardians

*I would like to thank all the nurses serving in Malaysia. Thank you for the patience, perseverance and sacrifices that you have made throughout your career.*

**DR ZALIHA MUSTAFA**  
Health Minister

of the wellbeing of patients in hospitals, health centres and clinics.

"I would like to wish Happy International Nurses Day to all nurses in Malaysia."

"May this day be a reminder to all of us of how important the role of nurses is in taking care of the health of Malaysians." Bernama



AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NATION

## Up to 3,000 permanent posts for contract nurses

**SHAH ALAM:** The Health Ministry (MOH) has submitted about 2,000 to 3,000 contract nurse applications to be absorbed into permanent positions this year.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni said the applications were submitted to the Public Service Department (JPA) for approval.

However, he said the final number of applications accepted for permanent positions was entirely up to JPA.

He said MOH had a need to increase the number of existing nurses, which has so far reached 165,000, taking into account the building of many new healthcare facilities, including hospitals and health clinics, including in rural areas.

"Following that, we have applied to JPA for additional contract nurses to be absorbed into permanent positions," he told Bernama after launching International Nurses Day 2023 at the Setia City Convention Centre here yesterday, which was attended by more than 2,000 nurses from all over the country.

Lukanisman said the nursing field required continuous improvement, including the issue of staffing, especially after the Covid-19 pandemic that hit the country.

"The recruitment of contract nurses has been considered by MOH in phases if the additional appeal is approved. We are also doing a mapping process to opti-



**Three cheers:** A KPJ Tawakal Specialist Hospital staff taking pictures of her colleagues who received specially made cookies in conjunction with International Nurses Day in Kuala Lumpur. — Bernama

mise staffing, whether they are doctors, nurses or medical officers," he said.

Meanwhile, Health Minister Dr. Zaliha Mustafa said the sacrifice made by nurses and their role in taking care of the health of Malaysians would always be appreciated.

In conjunction with International Nurses Day, Dr Zaliha also hoped that all nurses would continue to work hard and improve the quality of health services in the country.

"I would like to take this oppor-

tunity to thank all the nurses serving in Malaysia. Thank you for the patience, perseverance and sacrifices that you have made throughout your career.

"You have all shown the spirit of cooperation and dedication in carrying out your duties and responsibilities," she said on her Facebook page.

Dr Zaliha said nurses were important in ensuring that patients received quality and professional treatment.

According to her, nurses were also guardians of the well-being

of patients in hospitals, health centres and clinics throughout the country.

"I would like to wish Happy International Nurses Day to all nurses in Malaysia. May this day be a reminder to all of us of how important the role of nurses is in taking care of the health of Malaysians," she said.



AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NATION

## Health Dept: Pupil did not die from heat

SHAH ALAM: A Klang pupil's death was not due to heat exhaustion as widely reported on social media, says the Selangor State Health Department.

Its director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman said based on the examination records, the 10-year-old girl was brought to a clinic in Klang in critical condition and was diagnosed with acute gastroenteritis with complications.

"Appropriate treatment was given before she was referred to the hospital. However, she died on May 9 and did not suffer from heat stroke as reported," he said in a post on the department's Facebook, Bernama reported.

Dr Sha'ari said his department had received information regarding a viral message on the death of a female pupil believed to be due to heat stroke in the state on May 10.

"She had symptoms of stomach pain, vomiting and diarrhoea after dinner on May 8. The next day, the victim was taken to a clinic, and the results of the examination found that she was critical," he said.

Dr Sha'ari also said the public should not take lightly the symptoms of diarrhoea and vomiting, especially during this dry season.